


## Orang Inggeris Pertama Datang ke Brunei

Captain Cowley adalah orang Inggeris pertama datang ke Brunei dalam misi pelayaran beliau mengelilingi dunia pada April 1685.

Semasa singgah di Brunei, beliau sempat membuat laporan mengenai keadaan Brunei pada waktu itu. Laporan tersebut telah dimuatkan dalam sebuah buku yang bertajuk *Captain Cowley's Voyage Round the Globe* yang diterbitkan pada tahun 1699. Dalam laporan tersebut, beliau mengatakan bahawa Pulau Borneo ialah sebuah pulau yang besar berbentuk bujur yang diperintah oleh Raja Brunei. Menurut beliau, sebelum itu Brunei mempunyai dua orang raja, tetapi akhirnya raja yang memerintah di sebelah timur telah berjaya menewaskan raja yang memerintah di sebelah barat.



Dipetik dari Buku *Perpuspaan 1 Ogos 1968*.

Menurut beliau lagi, Pulau Borneo kaya dengan sumber buminya seperti intan, lada hitam, kapur barus dan kayu-kayan. Di pulau ini juga terdapat berbagai jenis binatang seperti gajah, harimau, serigala dan rusa. Mengenai dengan penduduknya pula, beliau mengatakan bahawa kesemuanya beragama Islam termasuklah rajanya. Di samping itu dinyatakan juga ketegasan Raja Brunei dalam melaksanakan hukum-hukum Islam, khususnya kepada peminum minuman keras di khalayak ramai. Mereka yang sabit kesalahannya akan dijatuhi hukuman pancung.

Dengan adanya laporan tersebut, ia menambah dan melengkapkan lagi sumber-sumber rujukan mengenai Brunei pada KM XVII yang merupakan zaman awal kemerosotan pengaruh Brunei di wilayah-wilayah jajahannya di Borneo dan Selatan Kepulauan Filipina.

Pada zaman tersebut berlakunya perang saudara sehingga membawa kepada wujudnya dua orang raja di Brunei. Kesan daripada peristiwa itu telah membawa kepada kejatuhan pengaruh Brunei ke atas penduduk-penduduk di Selatan Filipina dan Timur Laut Borneo.